



Discovery Terms & Conditions

Malay (Melayu)

Pengenalan

Branch Metrics, Inc. ("Branch," "kami" atau "kita"), menyediakan perkhidmatan Discovery ("Perkhidmatan Discovery"), yang membolehkan pembangun aplikasi mudah alih menggunakan Perkhidmatan Discovery ("Pelanggan" kami) untuk menyediakan pengesyoran dan hasil yang diperibadikan serta pautan berdasarkan tujuan ke dalam aplikasinya, yang memberi pengguna akhir mereka ("Pengguna" atau "Para pengguna") akses mudah untuk menyempurnakan tindakan (misalnya, untuk mengenal pasti restoran yang berdekatan).

Dengan menyetujui Terma ini atau menggunakan Perkhidmatan Discovery dalam aplikasi yang telah mengintegrasikan Perkhidmatan Discovery, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Discovery Pengguna Akhir ini ("Terma"). Dengan menyetujui Terma ini, anda menjamin bahawa anda diberi kuasa untuk bersetuju dengan Terma ini. **JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN TERMA & SYARAT DISCOVERY PENGGUNA AKHIR INI, JANGAN AKTIFKAN ATAU MENGGUNAKAN FUNGSI PERKHIDMATAN DISCOVERY KAMI.**

NOTIS PENTING: TERMA INI TERTAKLUK KEPADA TIMBANG TARA MENGIKAT DAN PENEPIAN HAK TINDAKAN KELAS, SEPERTI YANG DIHURAIKAN DI BAWAH. SILA BACA DENGAN TELITI.

Semua rujukan kepada "anda" atau "milik anda", sebagaimana yang terpakai, bermaksud orang yang mengakses, menggunakan, dan/atau mengambil bahagian dalam Perkhidmatan Discovery dengan cara apa pun, dan setiap waris, pemegang serah hak, dan pengganti anda. Jika anda menggunakan Perkhidmatan Discovery atas nama entiti, anda menyatakan dan menjamin bahawa anda mempunyai kuasa untuk mengikat entiti tersebut, penerimaan Terma anda akan dianggap sebagai penerimaan oleh entiti tersebut, dan "anda" dan "milik anda" di

sini akan merujuk kepada entiti itu, pengarah-pengarah, para pegawai, para pekerja, dan para ejennya.

Kami boleh membuat perubahan pada Terma ini dari semasa ke semasa. Apabila kami melakukannya, kami akan meminda tarikh “Kemas kini terakhir” yang diberikan di atas. Tanggungjawab anda adalah untuk menyemak Terma ini dengan kerap dan terus kekal termaklum tentang perubahan terhadapnya. Versi Terma semasa akan menggantikan semua versi sebelumnya. Anda bersetuju bahawa penggunaan berterusan Perkhidmatan Discovery kami setelah perubahan tersebut diterbitkan akan dianggap penerimaan anda terhadap Terma semakan.

Harap maklum bahawa Terma ini hanya terpakai untuk Perkhidmatan Discovery. Branch turut menawarkan laman web dan perkhidmatan lain, beberapa di antaranya boleh diakses oleh Pengguna yang klik pautan Branch atau berinteraksi dengan aplikasi atau laman web Pelanggan atau entiti lain. Untuk terma yang terpakai di laman web Branch dan perkhidmatan Branch yang lain, tidak termasuk Perkhidmatan Discovery, sila semak terma Branch yang disiarkan [di sini](#). Anda juga harus menyemak apa-apa terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Pelanggan atau entiti lain kepada anda melalui penggunaan aplikasi atau laman webnya oleh anda.

KELAYAKAN

Perkhidmatan Discovery tidak boleh digunakan oleh mana-mana orang yang berumur bawah 13 tahun (dan dalam bidang kuasa tertentu berumur bawah 16 tahun). Dengan menggunakan Perkhidmatan Discovery, anda menyatakan dan menjamin bahawa anda berusia sekurang-kurangnya 13 tahun, atau lebih tua, jika undang-undang menghendaki anda lebih tua untuk Branch menyediakan Perkhidmatan Discovery kepada anda tanpa persetujuan ibu bapa.

LESEN UNTUK MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN DISCOVERY

Tertakluk pada pematuhan anda terhadap terma dan syarat ini, Branch memberikan anda

lesen terhad, seluruh dunia, tidak boleh dipindah milik, tidak eksklusif, dan boleh dibatalkan untuk menggunakan Perkhidmatan Discovery. Hak anda untuk menggunakan Perkhidmatan Discovery dibatasi oleh semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam Terma ini, dan apa-apa terma lain yang mungkin dikenakan kepada anda oleh Pelanggan kami.

PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DISCOVERY; DASAR DAN SEKATAN KAMI

Anda bertanggungjawab sepenuhnya atas apa-apa kandungan dan bahan lain yang anda serahkan dalam pertanyaan, atau untuk maklumat yang sebaliknya anda hantar melalui atau dengan Perkhidmatan Discovery. Anda bersetuju bahawa dalam menggunakan Perkhidmatan Discovery anda akan:

- mematuhi semua undang-undang yang terpakai, termasuk, tanpa batasan, undang-undang privasi, undang-undang harta intelek, undang-undang antispam dan keperluan peraturan;
- tidak menghantar apa-apa bahan yang mengandungi virus perisian atau apa-apa kod komputer lain, fail, atau program yang dirancang untuk mengganggu, memusnah, atau membatasi fungsi mana-mana perisian komputer atau perkakasan atau peralatan telekomunikasi;
- tidak mengganggu atau menggendala Perkhidmatan Discovery atau pelayan atau rangkaian yang tersambung ke Perkhidmatan Discovery, atau tidak mematuhi mana-mana keperluan, prosedur, dasar, atau peraturan rangkaian yang tersambung ke perkhidmatan Discovery;
- tidak membangunkan, menyokong, atau menggunakan apa-apa alat berautomatik (mis. robot, lelabah) untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Discovery atau mengikis Perkhidmatan Discovery atau sebaliknya menyalin data daripada Perkhidmatan Discovery;
- tidak memintas atau melumpuhkan apa-apa pengurusan hak digital, peraturan

penggunaan, atau ciri-ciri lain Perkhidmatan Discovery;

- tidak melakukan kejuruteraan terbalik, menyah susun, menyah pasang, menerangkan, atau menyahkod, atau sebaliknya cuba mendapatkan kod sumber untuk Perkhidmatan Discovery atau apa-apa teknologi yang berkaitan yang bukan sumber terbuka; dan
- tidak terlibat dalam “manipulasi”, “replikasi”, atau sebaliknya meniru penampilan atau fungsi Perkhidmatan Discovery.

Anda mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Perkhidmatan Discovery bergantung pada akses kepada perkhidmatan telekomunikasi dan Internet. Anda bertanggung jawab sepenuhnya untuk memperoleh dan mengekalkan semua perkhidmatan telekomunikasi dan Internet dan perkakasan dan perisian lain yang diperlukan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Discovery, termasuk, tanpa batasan, apa-apa dan semua kos, yuran, perbelanjaan, dan cukai apa-apa bentuk pun yang berkaitan dengan yang disebutkan di atas. Branch tidak bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan atau kerosakan data, kehilangan komunikasi, atau apa-apa kehilangan atau kerosakan apa-apa bentuk pun yang timbul daripada perkhidmatan telekomunikasi dan Internet tersebut.

NOTA UNTUK PENDUDUK KESATUAN EROPAH: Jika anda seorang pengguna pelanggan dan mempunyai tempat tinggal biasa di Kesatuan Eropah, bergantung pada undang-undang di negara anda, berikut ini mungkin dikenakan: Kami akan melakukan yang terbaik untuk memastikan bahawa ketersediaan Perkhidmatan Discovery tidak terganggu dan transmisi akan bebas ralat. Namun, kerana sifat Internet, ini tidak dapat dijamin. Juga, akses anda ke Perkhidmatan Discovery juga kadang-kala digantung atau disekat untuk membolehkan pembaikan, penyelenggaraan, atau pengenalan kemudahan atau perkhidmatan baharu. Kami akan berusaha mengehadkan kekerapan dan jangka masa apa-apa penggantungan atau sekatan tersebut.

PENAMATAN

Anda mengakui dan bersetuju bahawa Branch, mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh

menghentikan penyediaan Perkhidmatan Discovery tanpa notis terlebih dahulu untuk apa-apa alasan pada bila-bila masa. Anda bersetuju bahawa Branch tidak akan bertanggungjawab kepada anda atas penamatan oleh Branch. Seksyen yang mengikut sifat mereka secara munasabah dijangka akan kekal dalam penamatan atau tamat tempoh Terma ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada Seksyen Penamatan, Dasar Privasi & Hak Data, Hak Proprietari, Had Liabiliti, Perlindungan daripada Tuntutan Ganti Rugi dan Pelepasan, Timbang Tara dan Penepian Tindakan Kelas, dan Notis Undang-undang.

DASAR PRIVASI & HAK DATA

Anda mengakui bahawa anda telah menerima, membaca dan memahami Dasar Privasi Discovery. Dengan menyetujui Terma ini, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data Branch, termasuk, jika berkenaan, data peribadi, seperti yang diterangkan dalam Dasar Privasi Discovery kami, termasuk untuk menghantar pengesyoran yang diperibadikan kepada anda dan untuk menyesuaikan hasil kandungan kepada anda. Anda memberi kepada Branch lesen seluruh dunia, tidak eksklusif, boleh disublesen, boleh dipindah milik untuk menggunakan, menyalin, mengubah, mengedar, menerbit, memproses, dan/atau menjadikannya tanpa nama, maklumat dan kandungan yang dikumpulkan melalui Perkhidmatan Discovery termasuk tanpa batasan untuk (a) menyediakan, mengekal, mengoptimum dan meningkatkan Perkhidmatan Discovery; (b) menjalankan penyelidikan; (c) menganalisis dan mengumpul data anda (termasuk data tanpa nama) dengan data pengguna lain, data agregat tersebut ialah "Data Gabungan"; (d) menggunakan Data Gabungan tersebut untuk melakukan penyelidikan dan mencipta data dan produk dan perkhidmatan analitik, termasuk untuk membolehkan Pelanggan menyesuaikan kandungan, iklan, atau aplikasinya berdasarkan maklumat yang dikumpulkan melalui Perkhidmatan Discovery; dan (e) seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Discovery. Anda menyetujui sebarang hak persembahan yang mungkin anda miliki dalam maklumat atau kandungan tersebut di bawah Seksyen 30A Akta Hak Cipta, 1957 (jika anda berada di India), atau peruntukan serupa di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai.

PAUTAN DAN KANDUNGAN PIHAK KETIGA

Perkhidmatan Discovery boleh memapar atau mengandungi pautan ke, produk, perkhidmatan, aplikasi dan laman web pihak ketiga. Segala pendapat, nasihat, pernyataan, perkhidmatan, tawaran, atau maklumat lain yang membentuk sebahagian daripada kandungan yang dinyatakan, dikarang, atau disediakan oleh pengguna lain atau pihak ketiga lain di Perkhidmatan Discovery, atau yang dapat diakses melalui atau mungkin terletak menggunakan Perkhidmatan Discovery (secara kolektif, "Kandungan Pihak Ketiga") adalah daripada pengarang atau pengeluar masing-masing dan bukan daripada Branch atau pemegang-pemegang saham, pengarah-pengarah, para pegawai, para pekerja, para ejen, atau wakil-wakilnya. Branch tidak mengawal Kandungan Pihak Ketiga dan tidak menjamin ketepatan, integriti, atau kualiti Kandungan Pihak Ketiga tersebut. Branch tidak bertanggungjawab atas prestasi, tidak menyokong, dan tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk, Kandungan Pihak Ketiga atau apa-apa maklumat atau bahan yang diiklankan dalam mana-mana Kandungan Pihak Ketiga. Dengan menggunakan Perkhidmatan Discovery anda boleh terdedah kepada kandungan yang menyinggung perasaan, tidak senonoh, atau tidak menyenangkan. Kami tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan, secara langsung atau tidak langsung, atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh anda kerana penggunaan atau kebergantungan anda terhadap apa-apa barangan, perkhidmatan, atau maklumat yang terdapat pada atau melalui perkhidmatan mana-mana pihak ketiga atau Kandungan Pihak Ketiga. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk menilai maklumat, pendapat, nasihat, atau kandungan lain yang tersedia di dan melalui Discovery Services.

Branch boleh memaparkan hasil carian dan pengesyoran berdasarkan maklumat tertentu yang kami kumpul dan terima, seperti yang dihuraikan dengan lebih lengkap dalam Dasar Privasi kami. Hasil carian dan pengesyoran muncul sebagai hasil algoritma yang diguna pakai oleh Branch. Branch tidak membuat apa-apa pernyataan bahawa hasil carian atau pengesyoran akan menjadi yang paling sesuai dengan keperluan pengguna tertentu.

Kami boleh mengubah atau menghentikan mana-mana Perkhidmatan Discovery, dan anda bersetuju bahawa kami tidak berkewajipan untuk menyimpan, mengekalkan, atau memberikan anda salinan mana-mana kandungan atau maklumat yang anda atau orang lain berikan, kecuali setakat yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai dan sebagai dinyatakan dalam Dasar Privasi Discovery.

HAK PROPRIETARI

Branch dan pemberi lesennya secara eksklusif memiliki semua hak, tajuk dan kepentingan dalam dan kepada Perkhidmatan Discovery, termasuk semua harta intelek dan hak proprietari yang berkaitan. Anda mengakui bahawa Perkhidmatan Discovery dilindungi oleh hak cipta, tanda dagang, dan undang-undang lain di Amerika Syarikat dan negara lain. Anda bersetuju untuk tidak membuang, mengubah atau mengaburi hak cipta, tanda dagang, tanda perkhidmatan atau notis hak proprietari lain yang terkandung atau disertakan dalam Perkhidmatan Discovery.

Branch boleh memberi anda mekanisme untuk memberikan maklum balas, cadangan, dan idea, jika anda memilih, tentang Perkhidmatan Discovery ("Maklum Balas"). Anda bersetuju bahawa Branch boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, menggunakan Maklum Balas yang anda berikan kepada Branch dengan apa-apa cara pun, termasuk peningkatan dan pengubahsuaian pada Perkhidmatan Discovery pada masa akan datang. Anda dengan ini memberikan kepada Branch dan pemegang serah haknya lesen yang berterusan, seluruh dunia, sepenuhnya boleh dipindah milik, boleh disublesen, dibayar penuh, tidak boleh dibatalkan, lesen bebas royalti untuk mengguna, menghasil semula, mengubah suai, mencipta karya terbitan daripada, mengedar, dan memaparkan Maklum balas dalam apa-apa cara untuk tujuan apa pun, dalam mana-mana media, perisian, atau teknologi apa-apa bentuk pun yang kini tersedia atau dibangunkan pada masa akan datang, tanpa ada apa-apa kewajipan untuk memberikan atribusi atau pampasan kepada anda atau mana-mana pihak ketiga. Anda menyetujui sebarang hak persembaian yang mungkin anda miliki dalam maklumat atau kandungan tersebut di bawah Seksyen 30A Akta Hak Cipta, 1957 (jika anda berada di India),

atau peruntukan serupa di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai.

PENAFIAN WARANTI

Perkhidmatan Discovery disediakan "SEBAGAIMANA ADANYA", tanpa apa-apa bentuk waranti.

TANPA MENGEHADKAN PERKARA DI ATAS, BRANCH DENGAN JELAS MENAFIKAN APA-APA

WARANTI KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, KESERONOKAN

TENANG, TANPA PELANGGARAN, ATAU KETEPATAN DATA, DAN APA-APA WARANTI YANG

TIMBUL DARIPADA URUSAN ATAU PENGGUNAAN PERDAGANGAN. Branch tidak menjamin

ketepatan, kesempurnaan, atau manfaat Perkhidmatan Discovery. Anda mengguna dan

bergantung pada Perkhidmatan Discovery atas risiko anda sendiri. SESETENGAH BIDANG

KUASA TIDAK MEMBENARKAN PENGECUALIAN WARANTI TERTENTU DALAM KEADAAN

TERTENTU. OLEH ITU, BEBERAPA BATASAN YANG DINYATAKAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK

TERPAKAI.

HAD LIABILITI

SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG DAN WALAU APA PUN

YANG BERTENTANGAN, BRANCH TIDAK AKAN DPERERTANGGUNGJAWABKAN DI BAWAH APA-

APA KONTRAK, KECUAIAN, TORT, LIABILITI KETAT, PELANGGARAN ATAU TEORI UNDANG-

UNDANG ATAU SAKSAMA LAIN UNTUK APA-APA KEHILANGAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN

DISCOVERY ATAU APA-APA KEROSAKAN DALAM APA-APA BENTUK SEKALIPUN, SAMA ADA

GANTI RUGI LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, KHAS, BERBANGKIT, ATAU TELADAN,

TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA KERUGIAN KEUNTUNGAN, NAMA BAIK,

PENGGUNAAN, DATA ATAU KERUGIAN TAK KETARA YANG LAIN (WALAUPUN BRANCH TELAH

DINASIHATI TENTANG KEMUNGKINAN GANTI RUGI TERSEBUT), AKIBAT PENGGUNAAN

PERKHIDMATAN DISCOVERY OLEH ANDA.

HAD LIABILITI INI IALAH SEBAHAGIAN DARIPADA ASAS TAWAR-MENAWAR ANTARA ANDA DAN

BRANCH DAN HENDAKLAH TERPAKAI BAGI SEMUA TUNTUTAN LIABILITI (CONTOHNYA

WARANTI, TORT, KECUAIAN, KONTRAK, UNDANG-UNDANG) DAN JUGA JIKA BRANCH TELAH

DIBERITAHU TENTANG KEMUNGKINAN APA-APA KEROSAKAN TERSEBUT.

SESETENGAH BIDANG KUASA TIDAK MEMBENARKAN HAD ATAU PENGECUALIAN LIABILITI.

OLEH ITU, BEBERAPA BATASAN YANG DINYATAKAN DI ATAS MUNGKIN TIDAK TERPAKAI.

NOTA UNTUK PENDUDUK KESATUAN EROPAH: Jika anda seorang pengguna dan mempunyai tempat tinggal biasa di Kesatuan Eropah, bergantung pada undang-undang di negara anda, berikut ini mungkin dikenakan: Kami tidak akan bertanggungjawab atas (i) kerugian yang tidak disebabkan oleh apa-apa pelanggaran di pihak kami, atau (ii) apa-apa kerugian perniagaan (termasuk kehilangan keuntungan, hasil, kontrak, simpanan yang dijangkakan, data, nama baik atau perbelanjaan yang terbazir), atau (iii) apa-apa kerugian tidak langsung atau berbangkit yang tidak dapat diramalkan kepada anda dan kami apabila anda mula menggunakan Perkhidmatan Discovery. Kami tidak akan dipertanggungjawabkan atas apa-apa kelewatan atau kegagalan untuk mematuhi kewajipan kami di bawah syarat-syarat ini jika kelewatan atau kegagalan timbul daripada apa-apa sebab yang berada di luar kawalan munasabah kami. Undang-undang sesetengah negara tidak membenarkan sesetengah atau semua batasan yang diterangkan di atas. Jika undang-undang ini terpakai kepada anda, sesetengah atau semua batasan di atas mungkin tidak terpakai kepada anda dan anda mungkin mempunyai hak tambahan.

PERLINDUNGAN DARIPADA TUNTUTAN GANTI RUGI DAN PELEPASAN

Anda bersetuju untuk melepaskan dan melindungi, membela, dan tidak mempertanggungjawabkan Branch dan syarikat induknya, anak syarikat, sekutu dan ejennya, serta pegawai, pengarah, pekerja, pemegang saham, dan wakil mana-mana entiti di atas, daripada dan terhadap mana-mana dan semua kerugian, liabiliti, perbelanjaan, ganti rugi, kos (termasuk yuran peguam dan kos mahkamah), tuntutan, tindakan, siasatan, atau penyiasatan dalam apa jua bentuk yang timbul akibat atau berpunca daripada pelanggaran anda terhadap Terma ini. Branch berhak, atas perbelanjaannya sendiri, untuk mengambil alih pembelaan dan kawalan eksklusif terhadap mana-mana perkara yang tertakluk kepada tuntutan ganti rugi oleh anda dan, dalam kes sedemikian, anda bersetuju untuk bekerjasama dengan Branch

dalam pembelaan perkara tersebut.

Jika anda seorang pemastautin California, anda mengetepikan Kod Sipil California Seksyen 1542, yang memperuntukkan:

Pelepasan am tidak merangkumi tuntutan yang tidak diketahui atau disyaki wujud oleh pemiutang atau pihak yang melepaskan pada masa pelepasan dilaksanakan, dan jika ia diketahui, ia mungkin menjejaskan secara ketara penyelesaian dengan pihak penghutang atau pihak yang dilepaskan.

Jika anda bukan pemastautin California, anda mengetepikan hak anda di bawah mana-mana undang-undang atau prinsip am yang serupa dengan Seksyen 1542 yang mengawal hak anda di wilayah kediaman anda.

TIMBANG TARA DAN PENEPIAN TINDAKAN KELAS

ANDA HENDAKLAH MEMBACA BAHAGIAN INI DENGAN TELITI, KERANA IA BOLEH MENJEJASKAN HAK UNDANG-UNDANG ANDA DENGAN KETARA, TERMASUK HAK ANDA UNTUK MEMFAILKAN TUNTUTAN MAHKAMAH DI MAHKAMAH.

Skop: Anda dan Branch bersetuju bahawa Terma ini menjejaskan perdagangan antara negeri dan bahawa Akta Timbang Tara Persekutuan mentadbir urus tafsiran dan penguatkuasaan peruntukan timbang tara ini. Bahagian ini bertujuan untuk ditafsirkan secara umum dan mentadbir urus apa-apa dan semua pertikaian antara kita termasuk tetapi tidak terhad kepada tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana aspek hubungan antara kita, sama ada berdasarkan kontrak, tort, statut, penipuan, salah tafsir atau mana-mana teori undang-undang lain; tuntutan yang timbul sebelum Terma ini atau mana-mana perjanjian terdahulu (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tuntutan yang berkaitan dengan pengiklanan); dan tuntutan yang mungkin timbul selepas penamatan Terma ini. Satu-satunya pertikaian yang dikecualikan daripada larangan yang umum ini ialah litigasi harta intelek tertentu dan tuntutan mahkamah kecil, seperti yang diperuntukkan di bawah.

Penyelesaian Pertikaian Awal: Anda boleh menghubungi kami di info@branch.io untuk menangani apa-apa kebimbangan yang mungkin anda ada tentang Perkhidmatan Discovery.

Branch boleh menyelesaikan kebanyakan kebimbangan dengan cepat dengan para pengguna kami berpuas hati. Anda dan Branch bersetuju untuk menguna usaha terbaik melalui proses penyelesaian pertikaian dalaman Branch untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian, tuntutan, persoalan, atau perselisihan dan mengikut serta dalam rundingan niat baik, yang hendaklah menjadi syarat kepada mana-mana pihak yang memulakan tuntutan mahkamah atau timbang tara.

Timbang Tara Mengikat: Jika pihak-pihak yang terlibat tidak mencapai persetujuan atas penyelesaian dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari masa penyelesaian pertikaian tidak rasmi dimulakan di bawah peruntukan penyelesaian pertikaian awal, maka mana-mana pihak boleh memulakan timbang tara mengikat sebagai satu-satunya cara untuk menyelesaikan tuntutan, tertakluk kepada pengecualian dan terma yang dinyatakan di bawah. Kecuali seperti yang dinyatakan di bawah, apa-apa tuntutan yang mungkin anda ada terhadap Branch mesti diselesaikan melalui timbang tara mengikat sebelum Persatuan Timbang Tara Amerika (“AAA”) menggunakan Peraturan Timbang Tara Pengguna, seperti yang diubahsuai oleh Terma ini, dan akan diurus tadbir oleh AAA dan diselesaikan oleh penimbang tara tunggal. Peraturan AAA boleh didapati dalam talian di www.adr.org atau dengan menghubungi AAA di talian 1-800-778-7879. Penimbang tara terikat dengan Terma di sini.

Penimbang tara, dan bukan mana-mana mahkamah atau agensi persekutuan, negeri atau tempatan, hendaklah mempunyai kuasa eksklusif untuk menyelesaikan semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan tafsiran, kebolehgunaan, penguatkuasaan atau pembentukan Terma ini, termasuk, tetapi tidak terhad kepada apa-apa tuntutan bahawa semua atau mana-mana bahagian Terma ini tidak sah atau boleh batal, atau sama ada tuntutan tertakluk kepada timbang tara. Penimbang tara diberi kuasa untuk memberikan apa-apa pelepasan boleh didapati di mahkamah di bawah undang-undang atau dalam ekuiti. Keputusan penimbang tara hendaklah ditulis, dan mengikat pihak-pihak itu dan boleh difailkan sebagai penghakiman di mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten.

Anda memahami dan bersetuju bahawa dengan memasuki Terma ini, anda dan Branch masing-masing menyetujui hak untuk perbicaraan juri atau perbicaraan di hadapan hakim di mahkamah awam. Jika tiada peruntukan timbang tara ini, anda dan Branch mungkin mempunyai hak atau peluang untuk membawa pertikaian di mahkamah, di hadapan hakim atau juri, dan/atau untuk mengambil bahagian atau diwakili dalam kes yang dimasukkan di mahkamah oleh orang lain (termasuk tindakan kelas). Hak-hak lain yang tersedia untuk anda jika anda ke mahkamah, seperti hak untuk membuat rayuan dan jenis Discovery tertentu, mungkin lebih terhad atau mungkin juga diketepikan.

Jika anda seorang penduduk Amerika Syarikat, timbang tara boleh berlaku di daerah di mana anda tinggal pada masa pemfailan. Untuk individu yang menetap di luar Amerika Syarikat, timbang tara hendaklah dimulakan di Negeri California, Amerika Syarikat. Anda dan Branch selanjutnya bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa peribadi mana-mana mahkamah persekutuan atau negeri di Daerah Utara California untuk mewajibkan timbang tara, untuk menanggung prosiding sementara menunggu timbang tara, atau untuk mengesahkan, mengubahsuai, mengosongkan, atau memasuki penghakiman ke atas keputusan yang diputuskan oleh penimbang tara.

Kos Penimbangtaraan: Pembayaran semua kos dan perbelanjaan pemfailan, pentadbiran, dan penimbang tara yang dikenakan oleh AAA akan ditadbir urus oleh peraturan AAA, dengan syarat bahawa jika anda memulakan timbang tara terhadap Branch dan nilai pelepasan yang dicari ialah sepuluh ribu dolar (\$10.000) atau kurang, maka Branch akan memajukan semua kos dan perbelanjaan pemfailan, pentadbiran dan timbang tara yang dikenakan oleh AAA (tertakluk kepada pembayaran balik seperti yang dinyatakan di bawah). Jika keadaan dalam ayat sebelumnya terpakai, tetapi nilai pelepasan yang dicari adalah lebih daripada sepuluh ribu dolar (\$10.000) dan anda menunjukkan kepada penimbang tara bahawa kos dan perbelanjaan tersebut akan menjadi lebih mahal daripada prosiding mahkamah, kemudian Branch akan membayar amaun apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditentukan oleh penimbang tara adalah perlu untuk menghalang timbang tara daripada menjadi lebih mahal

daripada prosiding mahkamah (tertakluk kepada pembayaran balik seperti yang dinyatakan di bawah). Sekiranya penimbang tara menentukan bahawa semua tuntutan yang anda tegaskan dalam timbang tara adalah remeh mengikut Peraturan Persekutuan Prosedur Sivil 11, anda bersetuju untuk membayar balik Branch untuk semua kos dan perbelanjaan yang dibayar oleh Branch dan bahawa anda berwajib membayar di bawah peraturan AAA.

Penepian Tindakan Kelas: ANDA MEMAHAMI DAN BERSETUJU BAHAWA ANDA DAN BRANCH AKAN MASING-MASING MENIMBANG TARA DALAM KAPASITI INDIVIDU ANDA, BUKAN SEBAGAI WAKIL ATAU AHLI SUATU KELAS. Ini bermakna anda dan Branch tidak boleh menyertai tuntutan dengan mana-mana orang atau entiti lain, dan tidak akan ada kuasa untuk apa-apa pertikaian yang akan ditimbang tara atas dasar tindakan kelas. Jika mana-mana mahkamah atau penimbang tara menentukan bahawa pengecualian tindakan kelas yang dinyatakan dalam bahagian Timbang Tara dan Penepian Tindakan Kelas ini adalah tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa-apa sebab atau timbang tara boleh diteruskan secara kelas, maka peruntukan timbang tara dalam seksyen ini hendaklah dianggap batal dan tidak sah secara keseluruhannya dan pihak-pihak hendaklah dianggap tidak bersetuju pada pertikaian timbang tara.

Pengecualian: Walau apa pun keputusan pihak-pihak itu untuk menyelesaikan semua pertikaian melalui timbang tara, mana-mana pihak boleh membawa tindakan ke mahkamah negeri atau persekutuan untuk melindungi hak harta inteleknya (bermaksud paten, hak cipta, hak moral, tanda dagangan, dan rahsia perdagangan, tetapi bukan hak privasi atau publisiti). Mana-mana pihak juga boleh mendapatkan pelepasan di mahkamah tuntutan kecil untuk pertikaian atau tuntutan dalam skop bidang kuasa mahkamah itu.

Hak untuk Menarik Diri: Anda mempunyai hak untuk menarik diri dan tidak terikat dengan peruntukan timbang tara dan pengecualian tindakan kelas yang dinyatakan dalam bahagian Timbang Tara dan Penepian Tindakan Kelas ini dengan menghantar notis bertulis tentang keputusan anda untuk menarik diri ke alamat berikut: Branch Metrics, Inc., 1975 W El Camino Real Suite 102, Mountain View, CA 94040. Notis mesti dihantar dalam tempoh 30 hari dari 30

Disember 2024, atau penggunaan pertama Perkhidmatan Discovery oleh anda, yang mana kemudian, jika tidak, anda akan terikat untuk pertikaian timbang tara mengikut terma-terma perenggan tersebut. Jika anda memilih untuk menarik diri daripada peruntukan timbang tara ini, Branch turut tidak akan terikat dengan peruntukan itu.

Perubahan pada Seksyen: Branch akan memberikan notis tiga puluh (30) hari tentang apa-apa perubahan yang menjejaskan kenyataan Timbang Tara dan Penepian Tindakan Kelas ini dengan mengemas kini Terma ini, menghantar mesej kepada anda, atau sebaliknya memberitahu anda apabila anda menggunakan Perkhidmatan Discovery. Pindaan akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari setelah dikemas kini Terma ini atau dihantar kepada anda. Perubahan pada seksyen ini sebaliknya akan berlaku secara prospektif hanya untuk tuntutan yang timbul setelah hari ketiga puluh (30). Sekiranya mahkamah atau penimbang tara memutuskan bahawa subseksyen ini berkaitan "Perubahan Seksyen Ini" tidak dapat dilaksanakan atau sah, maka subseksyen ini akan dipisahkan daripada bahagian yang bertajuk "Timbang Tara dan Penepian Tindakan Kelas", dan mahkamah atau penimbang tara akan menguna pakai terlebih dahulu seksyen Timbang Tara dan Penepian Tindakan Kelas yang wujud selepas anda mula menggunakan Perkhidmatan Discovery..

NOTIS UNDANG-UNDANG

Undang-undang Mentadbir Urus. Terma-terma ini dan semua perkara yang timbul dari atau berkaitan dengan Terma-terma ini akan diatur oleh undang-undang Negeri California, tanpa mengambil kira konflik peruntukan undang-undangnya; tidak termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Kontrak untuk Penjualan Barangan Antarabangsa.

Tempat. Apa-apa tindakan undang-undang atau prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma ini dan tidak tertakluk kepada timbang tara hendaklah dibawa secara eksklusif di mahkamah negeri atau persekutuan yang terletak di Daerah Utara California. Anda dan Branch dengan ini bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa, dan bersetuju bahawa tempat adalah sesuai dalam, mahkamah tersebut dalam apa-apa tindakan atau

prosiding undang-undang sedemikian.

Penghantaran Proses. Anda selanjutnya bersetuju untuk menerima penghantaran proses melalui pos, dan dengan ini mengetepikan mana-mana dan semua pembelaan bidang kuasa dan tempat sebaliknya tersedia.

Tiada Penepian. Kegagalan kami untuk menguatkuasakan apa-apa hak atau peruntukan dalam Terma ini tidak akan membentuk penepian hak atau peruntukan tersebut melainkan diakui dan dipersetujui oleh kami secara bertulis.

Penyerahan Hak. Terma ini tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau disublesen oleh anda kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Branch terlebih dahulu. Branch boleh memindahkan dan menyerahkan hak mana-mana hak dan kewajipannya di bawah Terma ini dengan bebas dan tanpa persetujuan.

Statut Batasan: Anda bersetuju bahawa tanpa mengira mana-mana statut atau undang-undang yang bertentangan, apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perkhidmatan Discovery mesti bermula dalam tempoh satu (1) tahun selepas sebab tindakan timbul. Jika tidak, punca tindakan tersebut terhalang buat selamanya. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, statut batasan ini tidak terpakai kepada penduduk New Jersey.

Tajuk Bahagian: Tajuk bahagian dalam Terma ini adalah untuk kemudahan sahaja dan tidak mempunyai kesan undang-undang atau kontrak.

Perjanjian Keseluruhan. Terma-terma ini, bersama-sama dengan Dasar Privasi Discovery dan apa-apa notis undang-undang lain atau terma dan syarat atau dasar tambahan yang mentadbir urus penggunaan Perkhidmatan Discovery, akan membentuk perjanjian keseluruhan antara anda dan Branch berkenaan Perkhidmatan Discovery. Kecuali seperti yang dinyatakan dengan jelas di sini, jika mana-mana peruntukan Terma dianggap tidak sah oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten, ketidaksahan peruntukan tersebut tidak akan menjejaskan kesahan peruntukan Terma yang selebihnya, yang akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

NOTA UNTUK PENDUDUK KESATUAN EROPAH: Jika anda seorang pengguna dan mempunyai

tempat tinggal biasa di Kesatuan Eropah, bergantung pada undang-undang di negara anda, berikut ini mungkin dikenakan: Anda turut menikmati perlindungan yang diberikan kepada anda dengan peruntukan mandatori undang-undang negara tempat tinggal anda. Kami berdua bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Negeri California, yang bermakna bahawa anda boleh membawa tuntutan untuk menguatkuasakan hak perlindungan pengguna anda berhubung dengan Terma ini di California atau di negara Kesatuan Eropah di mana anda tinggal. Jika anda tinggal di Kesatuan Eropah, Suruhanjaya Eropah menyediakan platform penyelesaian pertikaian dalam talian, yang boleh anda akses di sini: <https://ec.europa.eu/consumers/odr>. Kami tidak mengambil bahagian dalam platform ini jadi jika anda ingin membawa sesuatu perkara kepada perhatian kami, sila hubungi kami.

MENGHUBUNGI KAMI

Jika anda ada sebarang pertanyaan atau cadangan berkenaan Terma ini, sila hubungi kami di: Branch Metrics, Inc. 1975 W El Camino Real Ste. 102 Mountain View, CA 94040 atau melalui e-mel di discoveryprivacy@branch.io